

IQRA

PTAR



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

"LIBRARY for ALL" ISSN : 2289-9537

e- BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

www.facebook.com/libraryuitm

www.instagram.com/ptaruitm

perpustakaanuitm.blogspot.my



SEMINAR KEPUSTAKAWANAN 2017 KELESTARIAN KECEMERLANGAN

Seminar Kepustakawanan 2017 telah diadakan pada 25-26 Juli 2017, bertempat di Hotel Merdeka Palace, Kuching, Sarawak. Ia merupakan siri seminar tahunan anjuran Pusat Khidmat Maklumat Akademik, UNIMAS. Seminar ini telah dirasmikan oleh Y3 Dr. Hj. Annuar bin Hj. Rapae, Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Penyelidikan Sains dan Bioteknologi) Sarawak. Tema seminar kali ini adalah **"Kelestarian Kecemerlangan"** di mana ia membina peranan pustakawan dan pengurus maklumat dalam melestarikan kecemerlangan dalam persekitaran digital. Seminar ini juga merupakan wadah perkongsian pintar dalam merealisasikan pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat serta menampilkan sumbangan perpustakaan kepada masyarakat komuniti.

Seminar ini dihadiri oleh Tuan Haji Azizi Jantan, Pustakawan Kanon daripada Unit Perancangan Strategik, PTAR yang telah membentangkan kertas kerja bertajuk **"Kecemerlangan Perpustakaan Melalui Pelaksanaan Inovatif dan Kreatif"** (Perkongsian Projek Berjaya Berdasarkan Pencapaian). Manakala, Encik Jamalludin Hj. Sulaiman, Timbalan Ketua Pustakawan Kanon selaku Ketua Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan, PTAR juga telah membuat pembentangan dengan tajuk kertas kerja **"Mereka Bentuk Semula Perkhidmatan Perpustakaan UITM: Anyone, Anywhere, Anytime"**.

PAMERAN PENJAGAAN PERSEKITARAN KITA AMALAN MULIA

Oleh : Puan Adlina Abdullah

Kebersihan ialah aset penting bagi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup yang sihat. Amalan menjaga kebersihan dan kecekapan persekitaran dapat memastikan rakyat hidup dalam keadaan selesa. Justeru itu Perpustakaan Tun Abdul Razak dengan usahasama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp) akan menganjurkan Pameran Penjagaan Persekitaran Kita Amalan Mulia. Pameran ini menfokuskan kepada amalan kebersihan dan membudayakan konsep 3R iaitu Reduce, Reuse, Recycle. Selain itu, dipaparkan juga buku-buku dan poster berkisar penjagaan kebersihan dan persekitaran. Pameran ini berlangsung selama sebulan iaitu dari 7 Julai hingga 7 Ogos 2017.



KUMPULAN INOVATIF KREATIF (KIK) i-Team

Oleh : Tuan Hj. Ahmad Faizal Jaafar



Pada 25-26 Julai 2017 Perpustakaan Tun Abdul Razak telah mengahiri Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) i-Team ke Konvensyen Team Excellence Wilayah Pantai Timur 2017 di Permai Hotel, Kuala Terengganu. Kumpulan i-Team telah berjaya menerima **Anugerah Emas** di konvensyen tersebut.



LAWATAN KERJA WAKIL DARI GERMAN MALYSIAN INSTITUTE (GMI) @ PTAR

Oleh : Tuan Hj. Ahmad Faizal Jaafar



Pada 28 Julai 2017 (Jumaat) yang lalu, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR Utama) telah menerima kunjungan lawatan oleh wakil pegawai daripada German Malaysian Institute (GMI) seramai lima (5) orang. Mereka tiba sekitar jam 10.00 pagi dan telah disambut oleh Pustakawan PTAR iaitu En Nik Lokman bin Nik Ismail. Rombongan telah dibawa ke Bilik Mesyuarat Utama PTAR bagi taklimat berkaitan aktiviti perpustakaan, perancangan dan hal-hal yang berkaitan Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM. Taklimat telah disampaikan oleh Tuan Hj. Ahmad Faizal bin Jaafar. Taklimat ini selari dengan objektif utama lawatan iaitu untuk melihat Perpustakaan Tun Abdul Razak secara dekat di samping ingin mengetahui perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak kepada pengguna atau pelajar yang boleh menjadi satu peneraan untuk mereka di masa akan datang.



Setelah selesai taklimat dan sesi soal jawab, para tetamu telah dibawa melawat sektor perpustakaan untuk melihat kemudahan sedia ada dan perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan perpustakaan. Lawatan berakhir sekitar jam 1.00 tengahari. Ucapan penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada warga PTAR yang telah memberikan kerjasama secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan lawatan tersebut.

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PTAR 2017

Oleh : Puan Adlina Abdullah



Pada 6 Julai 2017, Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri PTAR 2017 telah berlangsung dengan jayanya di penanganan lobi Perpustakaan Tun Abdul Razak Utama. Sambutan Majlis Hari Raya PTAR telah dirasmikan oleh Ketua Pustakawan PUIIM, Encik Noor Hidayat bin Azhari, Staf dan tetamu jemputan berpekaian segar, cendek dan menarik bersesuaian dengan tema majlis iaitu Syoknya Raya. Pembawa juadah yang enak dan lazat telah disediakan oleh staf lobi pejabat dan bahagian. Beberapa aktiviti turut diadakan termasuk perandingan Video Raya, Booth Terancam, Cabutan buah dan Baju Raya menarik, karaoke dan cabutan buah.



TAKLIMAT LAWATAN KEPADA PELAJAR UNIVERSITAS AIRLANGGAR (UNAIR), SURABAYA, INDONESIA

Oleh : Tn. Hj. Ahmad Faizal Jaafar



Pada 17 Julai 2017 satu taklimat lawatan kepada pelajar luar negara iaitu daripada Universitas Airlangga (UNAIR) Surabaya, Indonesia telah diadakan di Bilik Seminar PTAR Utama. Pelajar ini juga akan menjalani program Intership di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Shah Alam dari 17 Julai hingga 8 Ogos 2017. Mereka terdiri dari 8 orang pelajar Sarjana Muda serta seorang Pensyarah dari Jabatan Perpustakaan & Maklumat, Fakulti Sosial dan Sains Politik, Universitas Airlangga (UNAIR) Surabaya. Program ini adalah hasil kerjasama PTAR, OIA, Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) UTM dan UNAIR, Surabaya, Indonesia.



BENKEL PENYEDIAAN DOKUMEN ISO 9001:2015

Oleh : Puan Aznur Umiza Abu Kassim



Bahagian Pengurusan Kualiti telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Dokumen ISO 9001:2015 (Sesi Kedua) bertempat di ILD, Bandar Enstek pada 19-20 Julai 2017 yang lepas. Tujuan utama bengkel ini dianjurkan adalah untuk menyediakan dokumen selaras dengan keperluan ISO versi 2015. Seramai 48 orang staf P&P telah terlibat di dalam penyediaan dokumen tersebut dengan dibantu oleh 3 orang staf kumpulan pelaksanaan yang diarah sebagai uruselia. Puan Aznur Umiza Abu Kassim selaku Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti telah memberi lakimatal dan berfikir sebagai fasilitator dalam bengkel tersebut. Antara dokumen yang disediakan adalah merangkumi konteks organisasi, pendekatan proses dan pengurusan risiko mengikut fungsi utama bahagian dalam perustakan.



PROGRAM PENGENALAN AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI MELALUI AMALAN 5S DAN AMALAN 3R

Oleh : Puan Adlina Abdullah



Program Pengenalan Amalan Persekitaran Berkualiti melalui Amalan 5S dan Amalan 3R anjuran Bahagian Penerbitan dan Pameran, Jabatan Pengurusan Perpustakaan dengan kerjasama Jawatankuasa 5S PTAR telah diadakan pada 14 Julai 2017. Program ini merupakan salah satu aktiviti yang menyokong gerakan Kualiti PTAR 2017 dan juga sempena pameran usahasama PTAR dan juga pihak Perbadanan Pengurusan Sisa Pejejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp). Taklimat Program Pengenalan Amalan Persekitaran Berkualiti melalui Amalan 5S dan Amalan 3R ini telah disampaikan oleh Enik Mohd Khair bin Haman. Taklimat ini adalah bertujuan memberi pendedahan kepada staf PTAR dalam membudayakan Amalan 5S dan Amalan 3R.



Objektif Program

1. Memantapkan pemahaman konsep 5S dan 3R dan produktiviti organisasi.
2. Mengetahui teknik dan pelaksanaan sistem 5S dan amalan 3R secara berkesan di tempat kerja.
3. Memahami kaedah dan pelaksanaan Sistem 5S dan 3R
4. Melaksanakan sistem amalan 5S dan amalan 3R yang berkesan

LAWATAN KERJA KE UNIT PENJANAAN KEWANGAN, PERPUSTAKAAN TUN SRI LANANG, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

Oleh : Puan Hanani Rojikin



Pada 25 Julai 2017 yang lalu, seramai 6 orang staf Pengurusan dan Profesional PTAR telah pun mengadakan lawatan kerja ke Unit Penjana Kewangan, Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTS1), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Antara objektif lawatan ini adalah untuk mempelajari aspek Pengurusan Penjana Pendapatan Perpustakaan dan mendapatkan pendedahan tentang amalan terbaik untuk diaplikasikan di organisasi. Lawatan selang hari ini telah diketuai oleh Pn. Nor Azlan Md Husin selaku Ketua Bahagian Pengurusan Bakal dan Dana PTAR. Turut sama menyertai lawatan ini ialah lima (5) orang Pustakawan Kanak yang merupakan ahli Kumpulan Endowment dalam Jawatankuasa Pasukan Khos Garis Panduan Penjana Pendapatan PTAR iaitu Pn. Hanani Rojikin, Pn. Noorhayati Abu Kassem, Pn. Eza Elana A. Wahid, En. Ahmad Nazri Jaafar dan Pn. Nurul Aida Noor Azziz.



Sejuta penghargaan diucapkan kepada Pihak pengurusan Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM khususnya Unit Penjana Kewangan Perpustakaan di atas kesudian menerima, berkongsi jasa serta ilmu di sepanjang lawatan yang diadakan. Sebagai mengakhiri lawatan, rombongan telah diadwa melihat bilik-bilik yang dinaiktaraf hasil daripada dana penyumbang.

TAKLIMAT PENGURUSAN ARKIB DAN REKOD DI UNIT ARKIB UTM CAWANGAN ZON UTARA

oleh: En. Mohd Hazrul Mohd Hussin

Jabatan Arkib Universiti telah melaksanakan satu taklimat Pengurusan Arkib dan Rekod di Unit Arkib UTM Cawangan di Zon Utara pada 10 - 12 Julai 2017 yang melibatkan UTM Cawangan Peris, Kedah dan juga Pulau Pinang. Taklimat ini telah disampaikan oleh tiga orang Pegawai dari Jabatan Arkib Universiti iaitu Encik Aiffin bin Jamaludin, Timbalan Ketua Pustakawan merangkap Ketua Jabatan, Encik Mohd Hazrul bin Mohd Hussin, Pustakawan Kanan merangkap Ketua Bahagian Perkhidmatan Arkib dan juga Encik Abdul Razak bin Abdul Rahman, Pustakawan Kanan merangkap Ketua Bahagian Pengurusan Rekod dengan kerjasama daripada Unit Arkib di setiap UTM Cawangan.

Taklimat ini dilaksanakan sebagai satu kesedaran kepada warga UTM mengenai kepentingan dalam pengurusan rekod yang sistematik di Jabatan/Bahagian/Unit/Pusat masing-masing. Selain daripada itu, khidmat nasihat, peranan dan tanggungjawab turut diberikan kepada semua Ketua Jabatan, Pegawai Rekod Jabatan (PRJ), Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ), Pegawai Pengelasan (PP), & Pendaftar Rahsia yang telah dilantik mewakili setiap bahagian dan Unit.



Antara topik yang diberi tumpuan sepanjang sesi ini berlangsung adalah peranan Unit Arkib Cawangan, penyerahan rekod penting universiti, pengurusan rekod universiti, panduan penubuhan & penyenggaraan bilik rekod UTM dan juga panduan pelupusan rekod universiti serta pelaksanaan pelupusan rekod. Sesi diteruskan lagi dengan lawatan dan khidmat nasihat ke Bilik Rekod/Unit pejabat di beberapa bahagian/unit seperti di Perbadanan, Bendahari, Hal Ehwal Pelajar, Hal Ehwal Akademik, Pembangunan dan Fasilitas, Unit Korporat dan lain-lain bagi melihat pengurusan fail dan rekod di tempat masing-masing. Siri taklimat serta lawatan ini akan diteruskan ke setiap UTM Cawangan Negeri sepanjang 2017 mengikut zon bagi memupuk kesedaran mengenai pengurusan rekod agar dapat dilaksanakan mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia.

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA, HARI LAHIR DAN PERSARAAN STAF

Doleh: En. Mohd Hazrul Mohd Hussin

Pada 14 Julai 2017, Jabatan Arkib Universiti telah merayakan satu Majlis Hari Raya, hari lahir dan juga persaraan staf Jabatan Arkib Universiti. Sambutan ini adalah bersamaan dengan Hari Raya Aidilfitri 1438 Hijrah di samping merayakan hari lahir staf Jabatan Arkib Universiti dar bulan Mei – Ogos yang melibatkan seramai 7 orang. Staf yang akan bersara turut diraikan iaitu En Cik Azman Sharon, Pembantu Pemuliharaan Konon yang telah bertugas selama 40 tahun di Perpustakaan Tun Abdul Razak, UTM, bermula pada 1 Ogos 2018.



PAMERAN SUKAN UNTUK KESIHATAN

Oleh : Puan Wan Rohani Wan Chin

Pameran kali ini yang bertemakan Sukan untuk Kesihatan adalah untuk memberikan informasi dan maklumat berkaitan aktiviti sukan yang boleh dilakukan untuk meningkatkan tahap kesihatan kepada pengunjung.



PROMOSI: LIBRARY BINGO

Aktiviti promosi 'Library Bingo' ini diadakan bermula 3 Julai 2017 sehingga 20 Oktober 2017, lonya terbuka kepada semua pelajar dan staf Kampus Kesihatan. Aktiviti ini adalah untuk memberi kesedaran dan mempromosikan kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan kepada seluruh warga kampus. Pelbagai hadiah menarik menanti para pemenang.



TAKLIMAT ARKIB KE PERPUSTAKAAN DATO' JAAFAR HASSAN, UiTM CAWANGAN PERLIS

Oleh: En. Rodli b. Daud



Pada 10 Julai 2017, Stal Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan telah menghadiri Taklimat Arkib oleh Jabatan Arkib Universiti, UiTM. Peranakan kepertingian rakod untuk simpanan sebagai bahan sejarah dan keadahan pelupusan yang betul. Penyerlahan terdiri daripada Pustakawan dan Pemboleh Pustakawan.

GOTONG ROYONG MAJLIS HARI RAYA AIDILFITRI 2017 PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR) PULAU PINANG

Oleh: Puan Farleen Azrina Zamberli

Sempena Majlis Hari Raya Aidilfitri 2017, UITM Pulau Pinang pada 25 Julai 2017, PTAR telah diamanahkan untuk menyediakan rendang, lamang serta kelupak daun paku sebagai salah satu menu majlis. Aktiviti gotong royong ini telah diadakan pada 24 Julai 2017. Staf perpustakaan telah bersedia dan bersepatok untuk memasak sendiri juadah-juadah tersebut. Aktiviti memasak ini telah bermula seawal jam 8 pagi dan berakhir pada jam 5 petang. Semua staf perpustakaan amat bersemangat dan bersepatok untuk memastikan aktiviti gotong royong ini berjalan lancar dan sekaligus memupuk semangat kerjasama di kalangan satu sama lain. Alhamdulillah, semua juadah yang telah disediakan mendapat sambutan hangat daripada staf UITM dan mereka amat mengagumi semangat kerjasama staf PTAR.



BENGGKEL PANGKALAN DATA PERPUSTAKAAN 2017, PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR) CAWANGAN PERAK

Oleh: Puan Nur Aqilah Rusli

Pada 11 & 12 Juli 2017, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan Perak, Kampus Tapah telah mengadakan Bengkel Pangkalan Data Perpustakaan 2017 berimpit di Makmal Komputer PTAR Kampus Tapah. Bengkel ini telah diasmikan oleh Dr. Mohamed Izzan Mohamed Ariff, Penolong Rektor UITM Kampus Tapah. Dojokli bengkel ini adalah memberi latihan secara teori dan praktikal kepada para penyarah UITM agar dapat mencari maklumat dengan cara yang lebih berkesan serta memahami kaedah dan strategi pencarian maklumat yang cekap dan berkesan serta berdaya mengenhloasti dan mengakses maklumat daripada pelbagai sumber elektronik.



Bengkel tersebut telah dihadiri 40 orang staf termasuk staf akademik dan staf perpustakaan. Amara pangkalan data yang diajar pada bengkel tersebut adalah Emerald Premium dan Proquest oleh pembekal pangkalan data tersebut. Ses perkongsian ilmu, asas penggunaan Mendeey juga disampaikan Puan Nur Aqilah Rusli, Pustakawan Unit Jurnal dan Pangkalan Data, PTAR Kampus Tapah.



MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI PERDANA PERINGKAT UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN 2017 (1438H)

Oleh: Enik Iskandar Zailan

Pada 21 Julai 2017, UITM Cawangan Negeri Sembilan telah mengadakan Majlis Sambutan Aidilfitri Perdana Peringkat UITM Cawangan Negeri Sembilan 2017 (1438H) Bersama Menteri Besar Negeri Sembilan Y.A.B. Dato Seri Utama Hj. Mohamad Bin Hj. Hasan bertempol di Dewan Biduanda, UITM Kampus Rembau. Majlis Aidilfitri ini dianjurkan Bahagian Pertadabiran bersama Pejabat Penolong Rektor dan Korporat UITM, Kampus Rembau, Kampus Kuala Pilah & Kampus Seremban.



Tema sambutan Aidilfitri kali ini ialah "1 kampung meletop raya". Pada tahun ini, booth PTAR telah menyediakan kuit muth tradisional dan diberi nama Kampung Pisang. Pada sambutan kali ini juga PTAR telah memenangi tempat ketiga Pertandingan Wolrai Terbaik dan Pertandingan Gambar Raya Terbaik.



SESI TOWNHALL PUSAT PERANCANGAN STRATEGIK (CSPI) BERSAMA WARGA UTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Oleh: Enok Iskandar Zailan

Pada 24 Jul 2017, Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik (CSPI) telah mengadakan Program 'Townhall' CSPI 2017 di UTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah. Program yang turut dihadiri oleh kakitangan PTAR Kampus Kuala Pilah ini memberi fokus kepada pemerkasaan penghayatan dan kefahaman warga UTM agar terus komited mendukung projek Trans4.U. Program ini, dapat memberi pemahaman yang lebih mendalam kepada warga PTAR Kampus Kuala Pilah dan Warga UTM umumnya tentang kepentingan Program Transformasi Universiti (Trans4U).



MAJLIS PERASMIAN PERPUSTAKAAN MINI DARUL ASNAF SERI TANJUNG, KUALA PILAH OLEH MUFTI NEGERI SEMBILAN, DATO' HJ MOHD YUSOF BIN HJ AHMAD.

Pada 30 Julai 2017, Program CSR - Majlis perasmian Perpustakaan Mini di Darul Asnaf Tg Ipon oleh Mufti Negeri Sembilan, Dato' Hj Mohd Yusof bin Hj Ahmad. Perasmian ini sempena dengan perasmian Darul Asnaf Tg Ipon, Kuala Pilah. Sebanyak 423 naskhah buku yang bernilai RM8426.00 telah dikumpulkan hasil "kempen derma buku" yang dianjurkan oleh PTAR Cawangan Negeri Sembilan dengan kerjasama Pelajar Lafhan Industri Fakulti Pengurusan Maklumat, UTM, untuk koleksi Fustaka Al Ghazali ini. Sumbangan buku-buku diterima daripada pihak Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS), syarikat buku & sumbangan peribadi penyarah & kakitangan UTM Cawangan Negeri Sembilan. Terima kasih di atas semua yg terlibat mendema /mewakaf buku-buku ini. Semoga anda dapat menambah ilmu pengetahuan dan memajukan pelajar di Darul Asnaf ini.



TAKLIMAT PERPUSTAKAAN BAGI SESI INTERIM 2017 DI KAMPUS REMBAU

Oleh: Cik Siti Hajjar Zambri

Pada 3 & 4 Julai 2017, telah berlangsungnya Taklimat Perpustakaan bagi Sesi Interim 2017 di PTAR Kampus Rembau. Sesi taklimat berkenaan telah berlangsung selama 2 jam meliputi program Library Tour. Sesi taklimat berkenaan telah disampaikan oleh Cik Nor Azrina Kasim, Pustakawan PTAR Kampus Rembau.



LAWATAN PELAJAR SEKOLAH KEBANGSAAN DATO SHAH BANDAR, REMBAU

Pada 25 Julai yang lalu, Perpustakaan Tun Abdul Razak, Kampus Rembau telah menerima 30 orang pelajar termasuk 2 orang guru dari Sekolah Kebangsaan Dato Shah Bandar, Rembau. Para pelajar berkenaan telah dibawa ke sekitar perpustakaan untuk merasai keseronokan berada di perpustakaan. Pelbagai aktiviti telah disediakan kepada para pelajar berkenaan.



PAMERAN SOCIAL ENVIRONMENT & BRAND ARCHITECTURE IN ADVERTISING

Oleh : Cik Hazlin Ibrahim Khan



Pameran hasil karya pelajar bagi subjek **Social Environment & Brand Architecture in Advertising** oleh pelajar AD241, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UTM Melaka di bawah seliaan En. Arief Ali (Pensyarah kanan) telah diadakan pada 6 hingga 12 Julai 2017. Pameran ini adalah bagi memenuhi keperluan penilaian akhir para pelajar AD241.

SESI PERKONGSIAN SANTAI MEMBUDAYAKAN IQRA DAN ILMU FASA 1

Program Perkongsian Santai bersama YBhg. Prof Madya Sabariah Manaf, Rektor UTM Cawangan Melaka telah berlangsung pada 14 Julai 2017 dengan jumlah penyertaan seramai 99 orang. Program ini dianjurkan oleh Biro Iqra' Fakulti Perakaunan dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Bahagian Perpustakaan UTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah.



YBhg. Prof Madya Sabariah Manaf sudi membuat perkongsian bahan bacaan dengan membaca buku bertajuk **"Strategies for Success"** yang ditulis oleh Suzanne Hazelton. Tema Program Perkongsian Santai ini adalah 'Membudayakan Iqra' dan Ilmu'. Program ini dihadiri oleh barisan MJPE, ketua-ketua bahagian, para pensyarah dan staf.



MAJLIS BACAAN YASSIN DAN KENDURI KESYUKURAN

Oleh : Cik Hazlin Ibrahim Khan

Sempena bulan Syawal yang lalu dan pencapaian menjalankan program Study Skills (JED 102): Library Information Skills (INTERIM), Perpustakaan UTM Melaka dengan gabungan Kampus Alor Gajah, Kampus Bandaraya Melaka dan Kampus Jasin telah menjalankan Majlis Bacaan Yasin serta Kenduri Kesyukuran. Semoga semua staf Perpustakaan UTM Melaka akan terus berkhidmat dengan cemerlang dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan izin-Nya.



PROGRAM LIBRARY INFORMATION SKILL (INTERIM)

Pihak Perpustakaan UTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah telah berjaya mengandaikan Program Library Information Skill (JED 102) kepada pelajar Diploma (INTERIM) bagi kemasukan September 2017 - Januari 2018. Statistik keseluruhan bagi program INTERIM yang bermula pada bulan Jun sehingga Julai adalah sebanyak 61 kelas dan 1,474 orang pelajar.

Penghargaan terima kasih kepada Tmbalan Ketua Pustakawan PUUTM Melaka, Puan Rozaimah Mat Sidek yang memberi sokongan penuh terhadap program ini. Terima kasih juga kepada semua pegawai dan staf PUUTM Melaka, Kampus Alor Gajah yang telah memberikan komitmen sepenuhnya, menyumbangkan idea dan tenaga demi memajukan program ini berjalan dengan lancar. Semoga ilmu yang disampaikan memberi manfaat kepada semua.



MAJLIS KESYUKURAN SEMPERA SYAWAL 2017 /1438H

Oleh : Cik Ilyia Nur Faleen Ohman

Pada 19 Julai 2017, UTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya telah menganjurkan Majlis Kesyukuran dan majlis Aidilfitri sempena Syawal 2017/1438H. Majlis Kesyukuran ini dianjurkan bagi menghargai pelajar-pelajar dan staf UTM Kampus Bandaraya Melaka. Turut hadir pada majlis berkenaan YBhg. Prof. Madya Sabariah Hj. Mahat, Rektor UTM Cawangan Melaka dan barisan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif (JPE). Majlis Kesyukuran Sempena Syawal ini diserikan dengan 11 unit gerai terdiri dari unit-unit di UTM dan fakulti-fakulti Kampus Bandaraya Melaka yang menyediakan menu-menu istimewa seperti nasi daging, ayam masak merah, kambing bakar, lemak, rendang, roti jala, buah-buahan, kek dan kuih-muih tradisional. Bagi Bahagian Pusat Sumber, menyediakan beraneka jenis kerepek. Majlis tersebut turut dihadiri oleh wakil-jemputan luar seperti IKSEP, MiCOST, Bahagian Inovasi, Jabatan Ketua Menteri Melaka, Jabatan Pendidikan Melaka, dan Perbadanan Sungai dan Pantai Melaka.



LAWATAN MESRA PROF. MADYA SABARIAH HJ MAHAT, REKTOR UTM CAWANGAN MELAKA KE PERPUSTAKAAN KAMPUS JASIN

Oleh : Cik Nurayuni Dayana Nor Azman

Perpustakaan UTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menerima kunjungan mesra dari Prof. Madya Sabariah Hj Mahat, Rektor UTM Cawangan Melaka. Kunjungan ini berlanjutan untuk melawat Ruang Peperiksaan yang telah dijangkakan di Aras 3 Perpustakaan. Di samping itu, beliau sempat beramah mesra dengan pelajar-pelajar yang mengulangkaji pelajaran di Ruang Sembang Santai serta beberapa lokasi menarik di dalam perpustakaan seperti di Bilik Didik-Hibur, Ruang Bacaan Aras 1, dan Sudut Santai Aras 2. Beliau juga amat berpuas hati dengan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak perpustakaan.

Selain itu, beliau juga turut memberi pendapat bagi menamatkan lagi Inisiatif Waqaf Buku. Pihak perpustakaan menyampaikan penghargaan terima kasih atas kesediaan Rektor meluangkan masa bersama pelajar selain mendapat sokongan daripada beliau.



LAWATAN DARI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUN TEJA, MELAKA

Pada 19 Julai 2017, perpustakaan UTM Melaka Kampus Jasin telah menerima lawatan sambil belajar ke Kampus Jasin. Lawatan disertai oleh seramai 40 orang pelajar bersama 2 orang guru pengiring dari Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Teja, Durian Daun, Melaka. Cik Nurayuni Dayana, Pustakawan Kampus Jasin telah memberikan taklimat ringkas selama 30 minit berkaitan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan. Setelah itu, lawatan ke setiap Aras di perpustakaan dikendalikan oleh staf perpustakaan.



MAJLIS DOA SELAMAT DAN KESYUKURAN

Oleh : Cik Nurayuni Dayana Nor Azman

Perpustakaan UTM Kampus Jasin telah mengadakan Majlis Doa Selamat dan Kenduri Kesyukuran sempena Syawal serta merayakan usaha gigih staf perpustakaan sepanjang berkhidmatan perpustakaan. Majlis ini turut dihadiri Prof Madya Zakaria Hj Tajuddin, Penolong Rektor UTM Cawangan Melaka Kampus Jasin dan Puan Rozaimah Mar Sidek, Timbangan Pustakawan UTM Cawangan Melaka. Majlis turut di meriahkan dengan kehadiran kakitangan dari unit-unit serta bahagian di UTM Kampus Jasin. Diharapkan majlis seperti ini dapat memperkakan lagi ukhwah sesama kakitangan dan pihak pengurusan.



INTERIM DI PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI 2017

Oleh : Puan Norfitriah Bt Mat Seman



Pada 07 Jun 2017 (Rabu), hingga 26 Julai 2017 yang lalu Perpustakaan Al-Bukhari UITM Cawangan Pahang telah terlibat dengan Semester Interim selama 7 minggu. Cik Nurfarahwahedah Bt Badriuesham dan Puan Norfitriah Bt Mat Seman telah dilantik menjadi tenaga pengajar kepada hampir 1,500 orang pelajar semester satu sebelum Semester bermula pada Bulan September 2017. Keas sepanjang 7 minggu berlangsung di Perpustakaan Al-Bukhari ini kerana Subjek UHD 102 melibatkan beberapa aktiviti yang terus mendedahkan mereka dengan koleksi perpustakaan. Setiap minggu seramai 250 orang pelajar akan diberi taklimat dan mereka juga perlu menyiapkan tugasan menggunakan perpustakaan.



LAWATAN AKADEMIK DARI UNITAR-KFORCE KE PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN, UTM CAWANGAN TERENGGANU

Oleh : Cik Asmahani Abdullah

Perpustakaan Cendekiawan telah menerima kunjungan dari UNITAR-KForce Kuantan pada 30 Julai 2017 yang lalu. Lawatan yang diketuai oleh En. Ioris Abu Seman (Pensyarah) ini adalah bertujuan untuk membuat pendedahan kepada para pelajar berkenaan format dan perincian yang terdapat dalam bahan-bahan tesis, serta laporan penyelidikan UTM. Pelajarnya yang terdiri daripada Kapf Kamarulrifin bin Abu Manaf (3010709 (ATM), Lef.Komander Johari bin Mamat N404428 (NAVY) dan PW1 Mohd Faizal bin Abdul Azz 7834623 (NAVY) merupakan pelajar di bawah tajaan Kementerian Pertahanan Malaysia dan kunjungan akademik ke Perpustakaan Cendekiawan ini dijangka dapat membantu mereka dalam menyiapkan laporan penyelidikan yang merupakan salah satu keperluan dalam silibus pengajian mereka.



SAMBUTAN HARI RAYA PERDANA UTM CAWANGAN TERENGGANU 2017



Perpustakaan Cendekiawan telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan Sambutan Hari Raya Perdana UTM Cawangan Terengganu 2017 yang diadakan pada 9 Julai yang lalu bertempat di Taman Hadapan Bangunan Integriti. Ianya telah disambut meriah oleh seluruh warga UTM Cawangan Terengganu dan disertai dengan kehadiran YBhg. Prof. Dato Dr Hj Mustaffa Mohamed Zain, Penolong Naib Canselor (Strategi) UTM, sembarua lawatan rasmi beliau ke UTM Cawangan Terengganu. Beliau yang juga mantan Rektor UTM Cawangan Terengganu telah dibawa melawat ke semua khemah yang menyajikan pelbagai juadah raya seperti ketupat, rendang, nasi dagang, mee sup, sate, air cendol, dan kuih muih, sejezus selepas sesi kemusesa dengan warga UTM Cawangan Terengganu. Turut dijemput ialah pasara-pasar UTM Cawangan Terengganu dan agensi-agensi kerajaan sekitar daerah Dungun. Sambutan hari raya ini berakhir jam 3.30 petang dengan sesi karaoke raya oleh staf yang beminat.

SAMBUTAN HARI RAYA PERINGKAT UTM CAWANGAN JOHOR

Oleh: Puan Siti Rozana binti Mat Sarin

23 Julai 2017, Ahad; Aneka Kek dan Kuih Raya, begitulah menu yang telah disediakan oleh warga Perpustakaan Tun Dr. Ismail sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat UTM Cawangan Johor. Sambutan yang berlangsung di Dewan Sri Temenggung, telah dihadiri seramai lebih kurang 500 orang staf UTM C.J. Jumlah hari raya yang disediakan di booth PTDI adalah hasil sumbangan staf dan Kelab Perpustakaan Tun Dr. Ismail. Persediaan bagi menyiapkan booth hari raya, telah dibuat lebih awal oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang telah dilantik.



Majlis dimulakan dengan bacaan lawatan ke setiap booth yang disediakan sambil mendengar ucapan bacaan marhaban. Yang Berhormat Senator Zahari bin Sirip dilingi oleh Rektor UTM Cawangan Johor, Prof. Madya Dr. Azizan bin Abdullah dan teramu jemputan turut berkesembahan ke booth PTDI dan memotong kek yang telah disediakan. Majlis turut disenikan dengan pencanduan lagu raya dan penyempulan sumbangan kuih raya kepada anak-anak tadika UTM. Semangat kerjasama yang diunjaiakan membuahkan hasil apabila PTDI telah dinobatkan Johan bagi Pertandingan booth tercantik. Tahniah diucapkan kepada semua warga PTDI. Semoga usaha ini akan diteruskan pada masa akan datang.



PROGRAM SAMBUTAN HARI RAYA UiTM CAWANGAN SABAH

Oleh: Cik Norlia Yuning

Program Sambutan Hari Raya UiTM Cawangan Sabah telah disertai oleh 20 orang staf perpustakaan UiTM Sabah pada 21 Julai 2017 (Jumaat) berbilang di Pusat Kegiatan Pelajar. Program Sambutan hari Raya ini bermakan Makanan Bali. Juadah yang disediakan adalah Solo Makassar, Mee Bandung, Ayam Masak Lengkuas dan Gado-Gado. Selain bertujuan merayakan Hari Raya, program ini juga dapat memperapikan silaturahim di antara staf-staf Perpustakaan bersama unit-unit di bahagian yang lain.



MINGGU INTERIM BAGI PELAJAR DIPLOMA (SECOND INTAKE)

Oleh: Puan Zunaida Abdul Karim



Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Sarawak telah mengadakan sesi taklimat perpustakaan bagi pelajar baru Diploma (Interim) yang diterima untuk panggilan kedua (**second intake**) pada 9 Julai 2017 yang lalu. En. Khairil Bahrom Rosli (Pustakawan) dan En. Abg Mohd Farizan Abg Yakup telah menyampaikan taklimat kepada semua pelajar baru berkenaan. Taklimat perpustakaan ini telah berlangsung di tingkat atas bangunan PTAR Kampus Samarahan 2.

MAJLIS JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI PTAR 2017



Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2017 Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Sarawak telah diadakan pada 14 Julai 2017 bersamaan 20 Syawal 1438H bertempat di PTAR Kampus Samarahan 2. Dianggarkan jempunan yang telah hadir ke Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri tersebut adalah seramai 150 orang. Sambutan Hari Raya tersebut juga turut disenikan lagi dengan kehadiran Professor Dato Dr. Jamil Hj. Hamali, Rektor UiTM Sarawak dan Professor Madya Wan Aki Tuanku Abdullah, Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar). Terdapat berbagai juadah dan hidangan yang telah disediakan. Majlis ini bermula dari jam 2.00 petang hingga 5.00 petang.



PENGESAHAN KE DALAM PERKHIDMATAN

Oleh: Puan Zunaida Abdul Karim

Pengesahan ke dalam jawatan tetap Cik Amirza Suryai Maliki, Pembantu Pustakawan S19 telah diumumkan pada 17 Julai 2017 yang lalu. Tahniah diucapkan dan semoga terus cemerlang berbakat kepada PTAR UiTM Cawangan Sarawak.



MAJLIS RAMAH TAMAH AIDILFITRI & PENGAWA' GAWAI 2017 UiTM CAWANGAN SARAWAK

Majlis Ramah Tamah Aidilfitri & Pengawa'Gawai 2017 UiTM Sarawak yang dianjurkan oleh Kelab KEKITA dan PEWANI UiTM Sarawak pada 21 Julai 2017 baru baru ini telah disambut dengan meriah. Majlis yang diadakan di Dewan Jubli telah dihadiri oleh semua staf dan kakitangan UiTM Sarawak kedua-dua kampus Samarahan 1 dan 2.

Hadir menyempurnakan majlis perasmian adalah Yang Berbahagia Professor Dato Dr. Jamil Hj Hamali, Rektor UiTM Sarawak. Turut hadir Timbalan-Timbalan Rektor, Ketua-Ketua Bahagian dan Ketua-ketua Unit. Disamping itu, majlis turut diserikan dengan pelbagai acara seperti nyanyian, tarian dan cabutan bertuah. Sebagai pelengkap majlis, para tetamu dihidangkan dengan pelbagai juadah makanan.



LAWATAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UITM JOHOR

Oleh: Puan Zunaida Abdul Karim

Perpustakaan Tun Abdul Razak UITM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2 telah menerima kunjungan daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) daripada UITM Johor pada 24 Julai 2017 yang lalu. Siri Jelajah Anak Bangsa 2.0 ini bertujuan melengkapkan program diskusi MPP UITM Johor bersama MPP UITM Sarawak Terima kasih diucapkan kepada MPP UITM Johor kerana sudi berkunjung ke PTAR 2 UITM Cawangan Sarawak. Semoga perbincangan yang diadakan membawa manfaat kepada semua dan semoga jalinan kerjasama ini akan berterusan pada masa akan datang.



BENKEL PANGKALAN DATA ATAS TALIAN (PDAT) EMERALD PREMIUM

Perpustakaan Tun Abdul Razak UITM Cawangan Sarawak telah menganjurkan Bengkel Pangkalan Data Atas Talian (Emerald Premium) untuk staf akademik pada 24 Julai 2014. Salah satu objektif mengadakan bengkel tersebut ialah untuk memberi pendedahan penggunaan kepada pengguna terhadap PDAT - Emerald Premium dengan lebih mendalam dan pencarian maklumat yang lebih berkesan. Bengkel yang diadakan bertempat di PTAR Kampus Samarahan 2 ini telah dihadiri oleh beberapa orang staf akademik dan semua staf Unit Perkhidmatan Maklumat (UPM), Unit Arkib (UA), Unit Sokongan Dan Penyelidikan (USP) dan Unit Jurnal Dan Pangkalan Data (UJPD).



TAKLIMAT LIFESAVER

Oleh: Puan Zunaida Abdul Karim

Unit Kesihatan UITM Cawangan Sarawak dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak telah menganjurkan Taklimat lifesaver pada 28 Julai 2017 yang lalu. Taklimat disampaikan oleh Dr. Mohd Khairi Hamali (Pegawai Perubatan) dan dibantu oleh 2 orang jururawat. Taklimat yang diadakan bertempat di Bilik Seminar PTAR Kampus Samarahan 2 ini telah dihadiri oleh semua staf PTAR dan beberapa orang staf dari Unit InfoTech. Semoga taklimat ini memberi manfaat kepada semua yang hadir.



PAMERAN SARAWAK IBU PERTIWIKU

Perpustakaan Tun Abdul Razak UITM Sarawak telah dipilih sebagai lokasi pameran sempena Sambutan Hari Sarawak 2017 yang bertemakan "Sarawak Ibu PertiwiKU" yang akan berlangsung selama dua (2) minggu bermula 26 Julai hingga 04 Ogos 2017. Pameran ini merupakan kerjasama antara PTAR UITM Sarawak dan Arkib Negara Malaysia Negeri Sarawak. Pameran ini bertujuan supaya maklumat penting mengenai sejarah Negeri Sarawak dapat dikongsi bersama dengan semua lapisan masyarakat. PTAR UITM Sarawak telah menjemput beberapa buah sekolah di sekitar Kota Samarahan untuk hadir ke pameran berkenaan. Semua warga kampus turut dijemput untuk mengunjungi pameran dan menghayati sejarah Negeri Sarawak.



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2017 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Oleh: Puan Atirah Ruslan



6 Julai 2017: Majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri ini telah bermula pada pukul 11 pagi sehingga pukul 2 petang bertempat di aras 3 PSB. Pelbagai aneka-juduh makanan telah disediakan oleh kakitangan PSB. Tepat pukul 11 pagi ramai tetamu telah hadir memeriahkan majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri ini. Pihak PSB berbesar hati kerana wakil pengurusan kanan UTM Cawangan Kedah turut bersama hadir di dalam majlis ini.

LAWATAN DELEGASI AKADEMIK ASEAN

Perpustakaan Sultan Badlishah (PSB), UTM Cawangan Kedah telah menerima kunjungan rombongan lawatan delegasi akademik ASEAN iaitu daripada SMA N 4 Wira Bangsa Meulaboh Aceh Barat Indonesia dan Thepsatri Rajabhat University (TRU), Thailand. Objektif program ini adalah bagi melihat suasana perpustakaan akademik dan mendapatkan maklumat berguna mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan Sultan Badlishah. Delegasi SMA N 4 Wira Bangsa Meulaboh telah berkunjung ke PSB pada 6 Julai 2017. Seramai 35 pelajar dan guru pengiring telah terlibat di dalam lawatan ini, manakala delegasi Thepsatri Rajabhat University (TRU), Thailand telah berkunjung pada 7 Julai 2017. Seramai 11 orang wakil pengurusan Pejabat Kesenian dan Budaya TRU telah hadir. Kedua-dua rombongan delegasi akademik ASEAN ini telah diberi taklimat ringkas mengenai PSB dan dibawa melihat persekitaran dan fungsi setiap unit di PSB.



Delegasi Akademik SMA N 4 Wira Bangsa Meulaboh Aceh Barat Indonesia



Delegasi Akademik Thepsatri Rajabhat University (TRU), Thailand

LAWATAN MAHAD TAHFIZ PROFESIONAL SUNGAI PETANI

Oleh: Puan Atirah Ruslan

Pada 20 Julai 2017, Perpustakaan Sultan Badlishah (PSB), UTM Cawangan Kedah telah menerima kunjungan lawatan akademik daripada Mahad Tahfiz Profesional Sungai Petani, Kedah. Seramai 25 orang pelajar dan 2 orang guru pengiring telah terlibat di dalam lawatan akademik ini.



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA PERDANA 2017 UTM CAWANGAN KEDAH



UTM Cawangan Kedah telah menganjurkan sambutan Hari Raya Perdana 2017 pada 24 Julai 2017 yang turut berlabel di Depo Bas UTM Cawangan Kedah. Sambutan Hari Raya Perdana ini ialah mengumpulkan semua kakitangan UTM Cawangan Kedah bagi meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama-sama dan mengeratkan hubungan silaturahim di antara kakitangan UTM Cawangan Kedah. Majlis tersebut telah diraikan dengan penuh kemeriahan. Setiap bahagian/ unit dan fakulti telah digabung dan diberi peranan untuk menyediakan juadah mengikut negeri. Yang menariknya juga setiap booth perlu dihias bersepatan dengan tema "Jom Beraya di Pudu Raya". Perpustakaan Sultan Badlishah telah digabung bersama Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dan Fakulti Undang-Undang dan perlu menyediakan juadah negeri Sarawak. Menu yang telah disediakan oleh booth Sarawak adalah Mee Kolok dan Kek Tapis Sarawak.

TAKLIMAT PENGURUSAN ARKIB DAN REKOD OLEH JABATAN ARKIB UNIVERSITI

Oleh: Puan Atirah Ruslan

Taklimat Pengurusan Rekod dan Arkib ini telah disertai oleh Ketua-Ketua Bahagian/Unit di UITM Cawangan Kedah. Taklimat ini telah bermula pada pukul 9 pagi sehingga 1 petang. Melalui taklimat Pengurusan Rekod dan Arkib yang telah dianjurkan ini, para peserta telah mendapat maklumat yang jelas mengenai kaedah sistematik ke atas bewujudan, penyenggaraan dan pelupusan rekod yang terdapat di bahagian/unit masing-masing. Peserta juga turut melontarkan pelbagai soalan kepada pihak JAU. Pada sesi petang, Ketua Perpustakaan PSB telah membawa pihak JAU untuk meninjau bilik rekod yang terdapat di beberapa bahagian/unit di UITM Cawangan Kedah.



Objektif program adalah untuk memberi taklimat berkenaan dengan peranan dan tanggungjawab Unit Arkib, memberi khidmat nasihat dan taklimat mengenai pengurusan rekod dan arkib dan melaksanakan lawatan inspektorat